

# 30 peratus atlet Olimpik pelajar IPT

*Bukti projek pembangunan sukan berjaya*

**BATU PAHAT** – Projek pembangunan dan pembudayaan sukan dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) mula membuah hasil apabila 30 peratus atlet negara adalah golongan terbabit

Begitu juga dengan jumlah atlet yang beradu kekuatan mereka di Sukan Olimpik 2012 di London nanti, kebanyakan daripadanya yang layak berdasarkan merit adalah pelajar IPT.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim berkata, daripada 28 atlet negara, lapan daripadanya adalah pelajar IPT sekali gus membuktikan menara gading mampu melahirkan atlet kelas dunia.

Menurutnya, perkembangan positif itu menunjukkan matlamat kerajaan melahirkan 'The Thinking Athletes' mampu direalisasikan, dan ia perlu diteruskan kerana golongan atlet juga perlu mempunyai ilmu yang tinggi

"Kerajaan sememangnya komited dalam program pembangunan dan pembudayaan sukan di IPT termasuk pemberian insentif, biasiswa dan geran penyelidikan berteraskan kejuruteraan sukan.

"Bagi atlet IPT yang akan berjuang di Sukan Olimpik London, saya ucapkan selamat maju jaya dan berusaha sebaik mungkin untuk mengharumkan nama negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa penutupan kejohanan Majlis Sukan Antara Universiti Malaysia (Masum) Fasa 2 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, kelmarin.

Pada kejohanan itu pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) muncul juara keseluruhan setelah memungut 12 pingat emas, lima perak dan tujuh



Razali (dua, kiri) ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang atlet yang cemerlang sepanjang kejohanan tersebut.

**“ Bagi atlet IPT yang akan berjuang di Sukan Olimpik London, saya ucapkan selamat maju jaya dan berusaha.”**

**Razali**

gangsa dalam kejohanan memabitkan lapan acara sukan itu.

Universiti Putra Malaysia (UPM) di tempat kedua dengan tujuh pingat emas manakala tuan rumah, UTHM mendapat tempat ketiga setelah memperoleh empat pingat emas.

Sementara itu, Presiden Masum, Profesor Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata, atlet IPT yang layak ke Olimpik

adalah Khairulnizam Mohd Affendi (UiTM - perahu layar), Yu Peng Kean (UPM - lawan pedang), Azizul Hasni Awang (Universiti Deakin - lumba basikal) dan Cheng Chu Sian (UPM - memanah).

Turut layak, katanya, Leong Mun Yee, Pandalela Renong, Bryan Nickson Lomas dan Cheong Jun Hoong, kesemuanya dari UPM dalam sukan terjun.

"Saya begitu kagum dengan perkembangan ini, di mana setiap pelajar di IPT ini dapat menunjukkan bakat mereka dalam sukan, malah mereka juga mampu membahagikan masa mereka.

"Atlet seperti inilah yang perlu dicontohi, malah turut dipandang tinggi dari segi pendidikan mereka," katanya.